

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN NO. 39

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status terkini perkembangan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah membuat perancangan dan kini sedang melaksanakan pelan pembangunan infrastruktur komunikasi yang dinamakan **Jalinan Digital Negara (JENDELA)** bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan komunikasi demi kehidupan rakyat dari aspek sosio-ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan.

Pelaksanaan pelan JENDELA Fasa 1 yang bermula pada September 2020 memberi fokus kepada peluasan liputan gentian optik dan pembangunan infrastruktur digital termasuk pembinaan tapak 4G baharu dan menaiktaraf stesen pemancar sedia ada kepada 4G bagi

SOALAN NO : 39

meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan 4G di seluruh negara. Pencapaian JENDELA suku kedua 2021 adalah seperti berikut:

- a. Penambahan sebanyak 1.1 juta premis daripada 4.95 juta premis yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6.05 juta premis di seluruh negara telah disediakan dengan akses gentian optik;
- b. Kelajuan jalur lebar mudah alih meningkat daripada 25Mbps kepada 26.03Mbps;
- c. Peluasan liputan jalur lebar mudah alih 4G daripada 91.8% kepada 94.03% di kawasan berpenduduk; dan
- d. hampir 1 juta pelanggan 3G sedia ada telah beralih kepada 4G dan lebih 39,000 rangkaian 3G telah ditutup untuk menambahbaik liputan dan kualiti perkhidmatan teknologi 4G.

Untuk makluman tambahan YB, berkenaan status pelaksanaan JENDELA di negeri Sabah, sebanyak 51 tapak menara baharu telah siap, 1,850 menara pemancar telah dinaik taraf dan 60,337 premis telah mendapat akses gentian optik. Daripada jumlah tersebut, di Libaran, sebanyak 1 tapak menara baharu telah siap dibina, 92 stesen pemancar telah dinaik taraf dan 4346 premis telah mendapat akses gentian optik.